

06/06/1997

Timbalan Menteri dipecat (HL)

Kamal Ahmad; Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Khamis - Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Siti Zainab Datuk Abu Bakar, hari ini dipecat daripada jawatannya serta digantung daripada Umno berikutan isu penyelewengan RM1.8 juta daripada akaun Pergerakan Wanita parti itu.

Tindakan terhadap Siti Zainab, 56, yang memegang jawatan Bendahari Wanita Umno ketika kepemimpinan Datuk Seri Rafidah Aziz itu, diumumkan oleh Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini.

Turut digantung daripada parti itu ialah bekas Setiausaha Wanita Umno, Senator Habshah Osman. Keputusan itu berkuatkuasa serta-merta.

Anwar yang mempengerusikan mesyuarat MT berkata, keputusan itu dibuat hasil siasatan jawatankuasa khas diketuai Bendahari Umno, Tun Daim Zainuddin yang mendapati mereka bertanggungjawab menutup akaun dan memindahkan RM1.8 juta daripada akaun Wanita dengan cara yang salah tanpa pengetahuan Rafidah.

"Kedua-duanya bertanggungjawab menimbulkan masalah dalam prosedur dan pengurusan kewangan pergerakan itu.

"Oleh yang demikian, walaupun sebahagian besar daripada jumlah wang itu dikembalikan, kita memutuskan menggantung keahlian Umno mereka, berkuatkuasa serta-merta setelah mendapat persetujuan Presiden dan MT.

"Dengan ini, semua jawatan parti mereka gugur. Begitu juga Siti Zainab gugur jawatan Timbalan Menteri, berkuatkuasa sekarang," katanya yang juga Pemangku Presiden Umno, selepas mesyuarat MT hampir tiga jam itu.

MT juga menggantung semua jawatan parti yang dipegang bekas Exco Melaka, Datuk Sahar Arpan serta tidak membenarkannya terbabit dalam sebarang kegiatan parti sehingga kesnya diputuskan mahkamah.

Baru-baru ini, Sahar sudahpun meletakkan jawatan Setiausaha Badan Perhubungan Umno Negeri Melaka.

Selain itu, mesyuarat MT menerima laporan Jawatankuasa Disiplin berhubung kenyataan dua ahli Umno Kuala Selangor iaitu Muhyat Mohd Yusof dan Hamzah Jalil.

Berikutan itu, kata Anwar, mereka dipecat daripada parti kerana menyokong pembangkang dalam pilihan raya Parlimen Kuala Selangor dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Selangor.

"MT harus mengambil tindakan dan sepakat menyokong langkah tegas membanteras rasuah dan penyelewengan. Seperti mana yang disebut dalam sidang video tadi, kita bincang panjang pasal rasuah dan tindakan tegas yang harus diambil. "MT sepakat untuk mendokong langkah tegas supaya kita memberi mesej yang jelas sama ada peringkat politik dan jentera kerajaan sekali," katanya.

Sebelum itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kini berada di London mengadakan sidang video bersama, Anwar; dua Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Abdullah Ahmad Badawi; Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, Ketua Pemuda, Datuk Ahmad Zahid Hamidi dan Ketua Wanita, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman serta beberapa ahli MT.

Anwar menjelaskan, tindakan terhadap Siti Zainab dan Habshah dibuat selepas mendapat laporan Jawatankuasa Penyiasat mengenai akaun Wanita yang lalu. Daim selaku Bendahari melaporkan kes itu kepada Presiden dan Jawatankuasa Disiplin Parti.

(END)